



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMUSATAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH DI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

KANDUNGAN

TUJUAN	1
LATAR BELAKANG	1
TAFSIRAN	2
URUSAN PERJAWATAN	3
Struktur Organisasi	3
Pelantikan Penyelaras Pasukan	3
Lokasi Penugasan	4
URUSAN PERKHIDMATAN	4
Surat Arahan Penempatan	4
Rekod Kehadiran	4
Penilaian Prestasi	5
Pengurusan Cuti	5
Pengurusan Buku Perkhidmatan Kerajaan dan Pembayaran Gaji	5
Tuntutan Elaun dan Kemudahan	6
(i) Elaun Perjalanan, Elaun Lebih Masa dan Waran Udara	6
(ii) Elaun Kerana Bertukar / Berpindah	6
(iii) Elaun Tanggung Kerja	7
(iv) Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (BIMLTK) dan Bayaran Insentif Pedalaman (BIP)	7
(v) Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH)	8
(vi) Urusan Penyelarasan Kemudahan Lain	8
Latihan Dalam Perkhidmatan	8
Urusan Pertukaran dan Kenaikan Pangkat	8
PENGOPERASIAN TEKNIKAL ICT	8
(i) BPM	9
(ii) JPN	10
(iii) Pasukan Teknikal ICT Sekolah	10
PENUTUP	11
PEMBATALAN	11
TARIKH KUAT KUASA	11

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMUSATAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH DI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan urusan tadbir urus perjawatan, perkhidmatan dan pengoperasian teknikal berikutan pelaksanaan pemusatan perkhidmatan teknikal *Information and Communication Technology* (ICT) sekolah di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat bertarikh 9 Ogos 2023 telah bersetuju memperakukan:

- (i) pindah butiran jawatan Juruteknik Komputer (JTK) bagi 2,886 perjawatan dari sekolah ke JPN; dan
- (ii) peluasan fungsi Sektor Pengurusan Maklumat di JPN bagi melaksanakan tadbir urus pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT Sekolah.

3. Objektif pelaksanaan pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT Sekolah adalah untuk:

- (i) memantapkan tadbir urus ICT secara menyeluruh merangkumi Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah bagi memastikan perkhidmatan teknikal ICT lebih efisien;
- (ii) mengoptimumkan penggunaan sumber manusia serta meningkatkan kemahiran teknikal dan kompetensi dalam kalangan JTK bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan ICT Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- (iii) meningkatkan tahap kesediaan infrastruktur ICT di tahap yang lebih baik dengan memastikan perkhidmatan penyelenggaraan peralatan dan pelaporan secara berkala dan berjadual; dan

- (iv) memastikan tugas JTK dilaksanakan dengan jelas dan teratur mengikut deskripsi tugas yang ditetapkan.

TAFSIRAN

4. Dalam Garis Panduan ini -

Pasukan Teknikal ICT Sekolah bermaksud pasukan teknikal ICT yang dipusatkan di JPN dan diketuai oleh Penyelaras Pasukan untuk memberi perkhidmatan teknikal ICT kepada sekolah-sekolah harian mengikut JPN dan PPD, mana-mana yang berkenaan;

Sekolah Harian bermaksud sekolah rendah harian dan sekolah menengah harian di bawah tadbir urus JPN seluruh Malaysia.

Penyelaras Pasukan bermaksud Pegawai Teknologi Maklumat (PTM), Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PPTM) atau JTK yang dilantik oleh JPN dan bertanggungjawab terhadap pemantauan dan penyelarasan Pasukan Teknikal ICT Sekolah;

Pusat Operasi Meja Perkhidmatan TMK KPM [ICT Service Desk, (ISD)] bermaksud *Single Point of Contact* (SPOC) kepada pengguna untuk menyalurkan aduan dan memohon perkhidmatan ICT. Pusat Operasi Meja Perkhidmatan TMK KPM adalah di Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pendidikan Malaysia.

JPN yang mempunyai PPD bermaksud JPN Sabah, JPN Sarawak, JPN Johor, JPN Kedah, JPN Kelantan, JPN Melaka, JPN Negeri Sembilan, JPN Pahang, JPN Perak, JPN Pulau Pinang, JPN Selangor, JPN Terengganu dan JPWP Kuala Lumpur;

JPN yang tidak mempunyai PPD bermaksud JPN Perlis, JPWP Labuan dan JPWP Putrajaya.

URUSAN PERJAWATAN

Struktur Organisasi

5. Struktur organisasi bagi pelaksanaan pemusatan perkhidmatan teknikal ICT sekolah adalah berdasarkan **Waran Perjawatan S109 Tahun 2023** yang berkuat kuasa mulai **3 Ogos 2023** serta Carta Organisasi dan Carta Fungsi yang telah diluluskan oleh JPA.

6. Pasukan Teknikal ICT Sekolah bertanggungjawab untuk melapor terus kepada Ketua Unit masing-masing di bawah Sektor Pengurusan Maklumat, JPN seperti mana carta organisasi yang diluluskan di **Lampiran A1 hingga Lampiran A16**.

Pelantikan Penyelaras Pasukan

7. JPN bertanggungjawab untuk melantik Penyelaras Pasukan bagi Pasukan Teknikal ICT Sekolah berdasarkan kriteria berikut:

- (i) dilantik dalam kalangan PTM/PPTM atau JTK yang dipusatkan;
- (ii) sekiranya dilantik dalam kalangan JTK, keutamaan kepada penyandang gred yang lebih tinggi iaitu PPTM Gred FA29 yang mengisi jawatan JTK secara Khas Untuk Penyandang (KUP) atau JTK Gred FT28 atau JTK Gred FT26 atau JTK Gred FT22. Sekiranya tiada, Penyelaras Pasukan boleh dilantik dalam kalangan penyandang JTK di Gred FT19 yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun di KPM;
- (iii) perlu mempunyai kemahiran untuk mengurus, menyelaras dan menyelia pegawai;
- (iv) pelantikan penyelaras adalah tertakluk kepada penilaian Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Maklumat dan keputusan Ketua Jabatan; dan
- (v) senarai tugas Penyelaras Pasukan Teknikal ICT Sekolah adalah seperti di **Lampiran B**.

Lokasi Penugasan

8. Lokasi penugasan bermaksud lokasi atau tempat operasi yang menempatkan Pasukan Teknikal ICT Sekolah seperti JPN, PPD, Pusat Kegiatan Guru (PKG), sekolah atau lokasi bersesuaian.
9. Pasukan Teknikal ICT Sekolah perlu disediakan ruang kerja yang bersesuaian bagi memastikan pelaksanaan operasi perkhidmatan teknikal ICT berjalan lancar.

URUSAN PERKHIDMATAN

Surat Arahan Penempatan

10. Surat arahan penempatan pegawai ke Pasukan Teknikal ICT Sekolah dikeluarkan oleh JPN dengan menggunakan format seperti di **Lampiran D**. Arahan penempatan ini berdasarkan **Waran Perjawatan S109 Tahun 2023** yang berkuat kuasa pada **3 Ogos 2023**.
11. Tarikh kuat kuasa arahan penempatan pegawai adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori Arahan Penempatan	Tarikh Kuat Kuasa
i.	Pasukan Teknikal ICT Sekolah	3 Ogos 2023
ii.	Melibatkan pertukaran pegawai ke Pasukan Teknikal ICT Sekolah	Tarikh semasa
iii.	Penempatan lantikan baharu	Tarikh semasa

12. Sandangan pegawai dalam Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) adalah bermula dari tarikh lapor diri pegawai.

Rekod Kehadiran

13. Rekod kehadiran Pasukan Teknikal ICT Sekolah adalah di **lokasi penugasan** pegawai. JPN perlu menyediakan dan menentukan kaedah merekod kehadiran yang sesuai.

14. Pemantauan kehadiran dan arahan pergerakan keluar ke lokasi kerja yang diarahkan bagi Pasukan Teknikal ICT Sekolah adalah di bawah tanggungjawab Penyelaras Pasukan.

15. Pemantauan jadual kerja dikawal selia oleh Penyelaras Pasukan. JTK dikehendaki mematuhi jadual kerja yang telah disediakan oleh Penyelaras Pasukan.

Penilaian Prestasi

16. Sasaran Kerja Utama (SKU) bagi Pasukan Teknikal ICT Sekolah disediakan oleh JPN.

17. Pegawai Penilai SKU dan *MyPerformance* bagi Pasukan Teknikal ICT Sekolah seperti yang ditetapkan oleh JPN.

18. Maklumat pegawai penilai dalam HRMIS hendaklah dikemas kini sewajarnya.

Pengurusan Cuti

19. Kelulusan cuti bagi pegawai Pasukan Teknikal ICT Sekolah adalah seperti yang ditetapkan oleh JPN.

20. Pegawai bertanggungjawab untuk memastikan prosedur permohonan cuti adalah teratur melalui HRMIS.

21. Maklumat penyokong cuti dan pelulus cuti dalam HRMIS hendaklah dikemas kini sewajarnya.

Pengurusan Buku Perkhidmatan Kerajaan dan Pembayaran Gaji

22. Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) dan pembayaran gaji diuruskan seperti berikut:

Bil.	Lokasi Penugasan	Pengurusan BPK dan Gaji	
		JPN mempunyai PPD	JPN tiada PPD
i.	JPN	JPN	JPN
ii.	PPD	PPD	

Bil.	Lokasi Penugasan	Pengurusan BPK dan Gaji	
		JPN mempunyai PPD	JPN tiada PPD
iii.	PKG	PPD	JPN
iv.	Sekolah		
v.	Lain-lain lokasi		

Nota: JPN boleh membuat ketetapan lain mengikut kesesuaian masing-masing.

23. Bagi pegawai di Pasukan Teknikal ICT Sekolah sedia ada, pembayaran gaji adalah bermula dari tarikh lapor diri pegawai.

Tuntutan Elaun dan Kemudahan

24. Tuntutan elaun dan kemudahan adalah seperti berikut:

(i) Elaun Perjalanan, Elaun Lebih Masa dan Waran Udara

a. Elaun Perjalanan, Elaun Lebih Masa dan Waran Udara diuruskan seperti berikut:

Bil.	Lokasi Penugasan	Elaun Perjalanan, Elaun Lebih Masa dan Waran Udara	
		JPN mempunyai PPD	JPN tiada PPD
i.	JPN	JPN	JPN
ii.	PPD	PPD	
iii.	PKG		JPN
iv.	Sekolah		
v.	Lain-lain lokasi		

Nota: JPN boleh membuat ketetapan lain mengikut kesesuaian masing-masing.

b. Kiraan jarak perjalanan adalah dari lokasi penugasan Pasukan Teknikal ICT Sekolah ke sekolah yang diselia tertakluk kepada tatacara dan peraturan sedia ada yang berkuat kuasa.

(ii) Elaun Kerana Bertukar / Berpindah

a. Kelayakan untuk tuntutan Elaun kerana Bertukar / Berpindah Rumah adalah tertakluk kepada kadar dan syarat yang

ditetapkan dalam WP1.2 Pekeliling Perbendaharaan atau pindaan dari semasa ke semasa.

- b. Bayaran Elaun Kerana Bertukar / Berpindah diuruskan seperti berikut:

Bil.	Lokasi Penugasan	Elaun Kerana Bertukar / Berpindah	
		JPN mempunyai PPD	JPN tiada PPD
i.	JPN	JPN	JPN
ii.	PPD	PPD	
iii.	PKG		JPN
iv.	Sekolah		
v.	Lain-lain lokasi		

Nota: JPN boleh membuat ketetapan lain mengikut kesesuaian masing-masing.

(iii) Elaun Tanggung Kerja

- Jawatan JTK dalam Pasukan Teknikal ICT Sekolah adalah tidak layak untuk ditanggung kerja.
- Jawatan Penyelaras Pasukan boleh ditanggung kerja oleh pegawai yang layak.
- Bayaran Elaun Tanggung Kerja diuruskan oleh PPD atau JPN yang menguruskan BPK.

(iv) Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (BIMLTK) dan Bayaran Insentif Pedalaman (BIP)

- Pegawai layak menerima BIMLTK sekiranya lokasi penugasan berada di dalam senarai penerima BIMLTK seperti yang ditetapkan oleh KPM dari semasa ke semasa.
- Pegawai layak menerima BIP sekiranya lokasi penugasan berada di dalam kawasan BIP seperti yang ditetapkan oleh kerajaan negeri dari semasa ke semasa.

- c. Pegawai yang menerima BIMLTK atau BIP perlu disemak semula kelayakan berdasarkan lokasi penugasan baharu dan dihentikan bayaran sekiranya lokasi penugasan baharu di luar senarai penerima BIMLTK atau kawasan BIP.

(v) Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH)

BISH dibayar mengikut tempat kerja (pejabat) pegawai iaitu lokasi penugasan pegawai.

(vi) Urusan Penyelarasan Kemudahan Lain

Urusan penyelarasan kemudahan lain seperti contoh kemudahan perubatan, pinjaman perumahan, komputer, kenderaan dan lain-lain bagi Pasukan Teknikal ICT Sekolah diuruskan oleh JPN atau PPD yang menguruskan BPK.

Latihan Dalam Perkhidmatan

- 25. Urusan latihan dan penyelenggaraan rekod latihan ditentukan oleh JPN dan dikemaskini dalam Sistem Pengurusan Latihan KPM (SPLKPM).

Urusan Pertukaran dan Kenaikan Pangkat

- 26. Urusan pertukaran dan kenaikan pangkat diuruskan oleh Sektor Sumber Manusia, JPN.

PENGOPERASIAN TEKNIKAL ICT

- 27. Pelaksanaan pengoperasian teknikal ICT di sekolah terbahagi kepada empat (4) skop utama seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan inisiatif ICT KPM;
- (ii) Penyelesaian aduan ICT;
- (iii) Permohonan perkhidmatan ICT; dan
- (iv) Penyelenggaraan pencegahan secara berkala (*preventive maintenance*).

28. Perkhidmatan selain skop utama di atas atau permohonan perkhidmatan ICT daripada sekolah KPM selain sekolah harian adalah tertakluk kepada keutamaan dan mendapat kelulusan Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Maklumat, JPN.

29. Permohonan perkhidmatan teknikal ICT bagi perkara (i), (ii) dan (iii) hendaklah dikemukakan melalui ISD bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan oleh BPM, JPN dan PPD.

Peranan Dan Tanggungjawab

30. Peranan dan tanggungjawab bagi pelaksanaan pemusatan perkhidmatan teknikal ICT sekolah seperti berikut:

(i) BPM

- a. merangka, merancang dan mengurus pelaksanaan inisiatif ICT berdasarkan Dasar Pendidikan Digital dan Pelan Transformasi ICT KPM;
- b. menerima, melulus, menyelaraskan dan memberi khidmat nasihat kepada pemilik projek ICT berkaitan permohonan perkhidmatan teknikal ICT yang memerlukan penglibatan JTK;
- c. merancang, menyediakan keperluan peruntukan dan agihan waran peruntukan kepada JPN bagi pelaksanaan inisiatif ICT dan perkhidmatan teknikal ICT;
- d. memantau dan memastikan pelaksanaan perkhidmatan teknikal ICT oleh sekolah, PPD, JPN dan Bahagian di KPM berdasarkan garis panduan yang telah disediakan; dan
- e. menilai keberkesanan pelaksanaan pemusatan perkhidmatan teknikal ICT melalui pelaporan dalam Mesyuarat Penyelarasan ICT Bahagian/Jabatan Pendidikan Negeri KPM, pelaporan dari ISD dan pemantauan di lokasi.

(ii) JPN

- a. menyelarar, menyelia dan memantau perkhidmatan teknikal ICT di peringkat PPD dan sekolah;
- b. menyelarar, mengenal pasti dan menyemak keperluan peruntukan bagi pengoperasian dan keperluan ICT di peringkat PPD dan sekolah untuk dikemukakan ke BPM;
- c. merancang dan menyelarar Sasaran Kerja Utama bagi pelaksanaan perkhidmatan teknikal ICT di peringkat sekolah bersama Penyelaras Pasukan;
- d. memantau dan memastikan pelaksanaan perkhidmatan teknikal ICT oleh sekolah dan PPD berdasarkan garis panduan yang telah disediakan; dan
- e. melaksana pemantauan dan melapor status pelaksanaan pemusatan perkhidmatan teknikal ICT dalam Mesyuarat Penyelarasan ICT Bahagian/Jabatan Pendidikan Negeri KPM.

(iii) Pasukan Teknikal ICT Sekolah

- a. melaksana perkhidmatan teknikal ICT berdasarkan garis panduan yang telah disediakan;
- b. memastikan pelaksanaan sebagaimana Sasaran Kerja Utama yang telah ditetapkan oleh JPN;
- c. menyedia maklumat keperluan peruntukan bagi pengoperasian dan keperluan ICT di peringkat sekolah kepada JPN; dan
- d. melapor status pelaksanaan pemusatan perkhidmatan teknikal ICT kepada JPN.

PENUTUP

31. Pengurusan perkhidmatan teknikal ICT hendaklah mematuhi perkara seperti berikut:

- (i) Prosedur Meja Perkhidmatan ICT [*ICT Service Desk, (ISD)*] Kementerian Pendidikan Malaysia; dan
- (ii) Pekeliling, dasar, arahan dan kontrak yang berkuat kuasa berkaitan pelaksanaan projek ICT.

PEMBATALAN

32. Garis Panduan ini **membatalkan** Garis Panduan Pelaksanaan Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT di JPN dan PPD secara *Task Force* bertarikh 23 Februari 2022.

TARIKH KUAT KUASA

33. Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai **3 Ogos 2023**.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia

LAMPIRAN A

CARTA ORGANISASI PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH

CARTA ORGANISASI (MAKRO/ OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERLIS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP,PTM	F48	1
Pen. Pengarah, PTM	F41/F44	1
PPTM	FA32	1
PPTM	FA29	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	4
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH		9
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH		
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19/FT22/FT26	25
JUMLAH		25
JUMLAH KESELURUHAN		34

***Nota :**

- 1) Carta Organisasi Makro/ Operasi adalah ini merujuk kepada Carta Organisasi Umum dan Carta Organisasi Pengoperasian.
- 2) Penyelaras JTK bagi Pasukan Teknikal ICT Sekolah adalah Pen. Pengarah, PTM Gred F41/F44.

CARTA ORGANISASI (OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
JUMLAH		1

UNIT PENGURUSAN ICT DAN PENTADBIRAN (UNIT 1)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTD	M41/M44	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH KECIL		3
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 1 (PPD KULIM/ BANDAR BAHARU, PPD BALING & PPD SIK)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	3
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	59
JUMLAH KECIL		62
JUMLAH		65

UNIT APLIKASI DAN PORTAL (UNIT 2)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
PPTM	FA32	1
PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	2
JUMLAH KECIL		4
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 2 (PPD KUBANG PASU, PPD KOTA SETAR & PPD LANGKAWI)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	3
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	63
JUMLAH KECIL		66
JUMLAH		70

UNIT TEKNIKAL ICT DAN RANGKAIAN (UNIT 3)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F41/F44	1
PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	2
JUMLAH KECIL		4
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 3 (PPD KUALA MUDA/ YAN, PPD PENDANG & PPD PADANG TERAP)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	3
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	66
JUMLAH KECIL		69
JUMLAH		73
JUMLAH KESELURUHAN		209

**Nota :*
 Carta Organisasi (Operasi) merujuk kepada Carta Organisasi Pengoperasian.

CARTA ORGANISASI (OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
JUMLAH		1

UNIT PENGURUSAN ICT DAN PENTADBIRAN (UNIT 1)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTD	M44	1
PPTM	FA32	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH KECIL		3
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 1 (PPD SEBERANG PERAI UTARA & PPD SEBERANG PERAI SELATAN)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	2
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	35
JUMLAH KECIL		37
JUMLAH		40
UNIT APLIKASI DAN PORTAL (UNIT 2)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F41/F44	1
PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH KECIL		4
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 2 (PPD TIMUR LAUT & PPD BARAT DAYA)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	2
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	24
JUMLAH KECIL		26
JUMLAH		30
UNIT TEKNIKAL ICT DAN RANGKAIAN (UNIT 3)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	2
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH KECIL		5
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 3 (PPD SEBERANG PERAI TENGAH)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	1
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	18
JUMLAH KECIL		19
JUMLAH		24
JUMLAH KESELURUHAN		95

**Nota :*
 Carta Organisasi (Operasi) merujuk kepada Carta Organisasi Pengoperasian.

CARTA ORGANISASI (OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
JUMLAH		1

UNIT PENGURUSAN ICT DAN PENTADBIRAN (UNIT 1)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTD	M41/M44	1
PPTM	FA32	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	3
JUMLAH KECIL		5
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 1 (PPD BATANG PADANG, PPD HILIR PERAK, PPD BAGAN DATUK & PPD MUALLIM)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	4
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	65
JUMLAH KECIL		69
JUMLAH		74

UNIT APLIKASI DAN PORTAL (UNIT 2)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F41/F44	1
PPTM	FA29	1
JUMLAH KECIL		2
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 2 (PPD KINTA UTARA, PPD KINTA SELATAN, PPD PERAK TENGAH & PPD MANJUNG)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	4
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	112
JUMLAH KECIL		116
JUMLAH		118

UNIT TEKNIKAL ICT DAN RANGKAIAN (UNIT 3)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
PPTM	FA29	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	1
JUMLAH KECIL		4
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 3 (PPD HULU PERAK, PPD LARUT MATANG & SELAMA, PPD KERIAN & PPD KUALA KANGSAR)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	4
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	124
JUMLAH KECIL		128
JUMLAH		132
JUMLAH KESELURUHAN		325

**Nota :*

Carta Organisasi (Operasi) merujuk kepada Carta Organisasi Pengoperasian.

CARTA ORGANISASI (OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
JUMLAH		1

UNIT PENGURUSAN ICT DAN PENTADBIRAN (UNIT 1)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
PPTM	FA32	5
PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH KECIL		9
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 1 (PPD PETALING PERDANA, PPD KUALA SELANGOR, PPD HULU SELANGOR & PPD SEPANG)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	4
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	94
JUMLAH KECIL		98
JUMLAH		107

UNIT APLIKASI DAN PORTAL (UNIT 2)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
PPTM	FA32	5
PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	1
JUMLAH KECIL		8
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 2 (PPD KLANG, PPD GOMBAK & PPD KUALA LANGAT)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	3
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	72
JUMLAH KECIL		75
JUMLAH		83

UNIT TEKNIKAL ICT DAN RANGKAIAN (UNIT 3)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F41/F44	1
PPTM	FA32	4
PPTM	FA29	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	3
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	9
JUMLAH KECIL		18
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 3 (PPD HULU LANGAT, PPD PETALING UTAMA & PPD SABAK BERNAM)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	3
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	69
JUMLAH KECIL		72
JUMLAH		90
JUMLAH KESELURUHAN		281

**Nota :*
 Carta Organisasi (Operasi) merujuk kepada Carta Organisasi Pengoperasian.

CARTA ORGANISASI (OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
JUMLAH		1

UNIT PENGURUSAN ICT DAN PENTADBIRAN (UNIT 1)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTD	M41/M44	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH KECIL		3
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 1 (PPD SEREMBAN & PPD REMBAU)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	2
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	40
JUMLAH KECIL		42
JUMLAH		45

UNIT APLIKASI DAN PORTAL (UNIT 2)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
PPTM	FA32	1
PPTM	FA29	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	1
JUMLAH KECIL		4
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 2 (PPD KUALA PILAH & PPD PORT DICKSON)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	2
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	33
JUMLAH KECIL		35
JUMLAH		39

UNIT TEKNIKAL ICT DAN RANGKAIAN (UNIT 3)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
PPTM	FA29	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	2
JUMLAH KECIL		5
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 3 (PPD JEMPOL/ JELEBU & PPD TAMPIN)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	2
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	46
JUMLAH KECIL		48
JUMLAH		53
JUMLAH KESELURUHAN		138

**Nota :*
 Carta Organisasi (Operasi) merujuk kepada Carta Organisasi Pengoperasian.

CARTA ORGANISASI (OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
JUMLAH		1

UNIT PENGURUSAN ICT DAN PENTADBIRAN (UNIT 1)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTD	M41/M44	1
PPTM	FA29	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH KECIL		3
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 1 (PPD MELAKA TENGAH)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	1
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	32
JUMLAH KECIL		33
JUMLAH		36
UNIT APLIKASI DAN PORTAL (UNIT 2)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH KECIL		3
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 2 (PPD ALOR GAJAH)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	1
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	22
JUMLAH KECIL		23
JUMLAH		26
UNIT TEKNIKAL ICT DAN RANGKAIAN (UNIT 3)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
PPTM	FA32	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	2
JUMLAH KECIL		4
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 3 (PPD JASIN)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	1
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	21
JUMLAH KECIL		22
JUMLAH		26
JUMLAH KESELURUHAN		89

**Nota :*

Carta Organisasi (Operasi) merujuk kepada Carta Organisasi Pengoperasian.

CARTA ORGANISASI (OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
JUMLAH		1

UNIT PENGURUSAN ICT DAN PENTADBIRAN (UNIT 1)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTD	M41/44	1
PPTM	FA32	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	2
JUMLAH KECIL		4
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 1 (PPD BATU PAHAT, PPD PONTIAN & PPD KULAI)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	3
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	97
JUMLAH KECIL		100
JUMLAH		104

UNIT APLIKASI DAN PORTAL (UNIT 2)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
PPTM	FA32	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH KECIL		4
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 2 (PPD JOHOR BAHRU, PPD PASIR GUDANG, PPD KOTA TINGGI & PPD MERSING)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	4
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	108
JUMLAH KECIL		112
JUMLAH		116

UNIT TEKNIKAL ICT DAN RANGKAIAN (UNIT 3)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F41/F44	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	2
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH KECIL		4
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 3 (PPD SEGAMAT, PPD MUAR, PPD KLUANG & PPD TANGKAK)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	4
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	124
JUMLAH KECIL		128
JUMLAH		132
JUMLAH KESELURUHAN		353

**Nota :*
 Carta Organisasi (Operasi) merujuk kepada Carta Organisasi Pengoperasian.

CARTA ORGANISASI (OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PAHANG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
JUMLAH		1

	UNIT PENGURUSAN ICT DAN PENTADBIRAN (UNIT 1)		
	JAWATAN	GRED	JUMLAH
	Pen. Pengarah, PTM	F44	1
	PPTM	FA32	1
	Pen. Peg. Tadbir	N32	1
	Pemb. Tadbir (P/O)	N19	2
	JUMLAH KECIL		5
	PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 1 (PPD KUANTAN, PPD ROMPIN, PPD LIPIS & PPD BERA)		
	Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	4
	Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	86
	JUMLAH KECIL		90
	JUMLAH		95
	UNIT APLIKASI DAN PORTAL (UNIT 2)		
	JAWATAN	GRED	JUMLAH
	PPTM	FA32	1
	PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	1
	JUMLAH KECIL		2
	PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 2 (PPD JERANTUT, PPD PEKAN & PPD BENTONG)		
	Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	3
	Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	52
	JUMLAH KECIL		55
	JUMLAH		57
	UNIT TEKNIKAL ICT DAN RANGKAIAN (UNIT 3)		
	JAWATAN	GRED	JUMLAH
	Pen. Pengarah, PTM	F41/F44	1
	PPTM	FA32	2
	Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	2
	Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	3
	JUMLAH KECIL		8
	PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 3 (PPD TEMERLOH, PPD MARAN, PPD RAUB & PPD CAMERON HIGHLANDS)		
	Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	4
	Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	67
	JUMLAH KECIL		71
	JUMLAH		79
	JUMLAH KESELURUHAN		232

**Nota :*

Carta Organisasi (Operasi) merujuk kepada Carta Organisasi Pengoperasian.

CARTA ORGANISASI (OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
JUMLAH		1

UNIT PENGURUSAN ICT DAN PENTADBIRAN (UNIT 1)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTD	M41/M44	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH KECIL		2
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 1 (PPD BESUT, PPD HULU TERENGGANU & PPD MARANG)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	3
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	52
JUMLAH KECIL		55
JUMLAH		57

UNIT APLIKASI DAN PORTAL (UNIT 2)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
PPTM	FA32	2
PPTM	FA29	1
JUMLAH KECIL		4
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 2 (PPD KEMAMAN, PPD SETIU & PPD KUALA NERUS)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	3
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	49
JUMLAH KECIL		52
JUMLAH		56

UNIT TEKNIKAL ICT DAN RANGKAIAN (UNIT 3)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F41/F44	1
PPTM	FA32	1
PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	2
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	3
JUMLAH KECIL		8
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 3 (PPD DUNGUN & PPD KUALA TERENGGANU)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	2
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	38
JUMLAH KECIL		40
JUMLAH		48
JUMLAH KESELURUHAN		162

**Nota :*

Carta Organisasi (Operasi) merujuk kepada Carta Organisasi Pengoperasian.

CARTA ORGANISASI (OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
JUMLAH		1

UNIT PENGURUSAN ICT DAN PENTADBIRAN (UNIT 1)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PT (KUP)	N41 (KUP)	1
PPTM	FA32	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH KECIL		3
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 1 (PPD PASIR MAS, PPD PASIR PUTEH & PPD MACHANG)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	3
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	41
JUMLAH KECIL		44
JUMLAH		47

UNIT APLIKASI DAN PORTAL (UNIT 2)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F41/F44	1
PPTM	FA32	2
PPTM	FA29	1
JUMLAH KECIL		4
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 2 (PPD KOTA BHARU, PPD TANAH MERAH & PPD GUA MUSANG)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	3
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	59
JUMLAH KECIL		62
JUMLAH		66

UNIT TEKNIKAL ICT DAN RANGKAIAN (UNIT 3)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
PPTM	FA32	1
PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	2
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	2
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	1
JUMLAH KECIL		7
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 3 (PPD KUALA KRAI, PPD BACHOK, PPD TUMPAT & PPD JELI)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	4
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	46
JUMLAH KECIL		50
JUMLAH		57
JUMLAH KESELURUHAN		171

**Nota :*
 Carta Organisasi (Operasi) merujuk kepada Carta Organisasi Pengoperasian.

CARTA ORGANISASI (OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
JUMLAH		1

UNIT PENGURUSAN ICT DAN PENTADBIRAN (UNIT 1)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
Pen. Pengarah, PTD	M41/M44	1
PPTM	FA32	2
PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	3
JUMLAH KECIL		8
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 1 [PPD BEAUFORT, PPD KENINGAU, PPD KOTA KINABALU, PPD KUALA PENYU, PPD PAPAR, PPD PENAMPANG, PPD PENSIANGAN (NABAWAN) & PPD SIPITANG]		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	8
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	129
JUMLAH KECIL		137
JUMLAH		145

UNIT APLIKASI DAN PORTAL (UNIT 2)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
PPTM	FA32	2
PPTM	FA29	1
JUMLAH KECIL		4
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 2 [PPD KINABATANGAN, PPD KUNAK, PPD LABUK & SUNGUT (BELURAN), PPD LAHAD DATU, PPD SANDAKAN, PPD SEMPORNA, PPD TAWAU & PPD TONGOD (TELUPID)]		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	8
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	128
JUMLAH KECIL		136
JUMLAH		140

UNIT TEKNIKAL ICT DAN RANGKAIAN (UNIT 3)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
Pen. Pengarah, PTM	F41/F44	1
PPTM	FA32	3
PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	2
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	3
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	3
JUMLAH KECIL		13
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 3 (PPD KOTA BELUD, PPD KOTA MARUDU, PPD KUDAT, PPD PITAS, PPD RANAU, PPD TAMBUNAN, PPD TENOM & PPD TUARAN)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	8
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	130
JUMLAH KECIL		138
JUMLAH		151
JUMLAH KESELURUHAN		437

**Nota :*
 Carta Organisasi (Operasi) merujuk kepada Carta Organisasi Pengoperasian.

CARTA ORGANISASI (OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
JUMLAH		1

UNIT PENGURUSAN ICT DAN PENTADBIRAN (UNIT 1)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
Pen. Pengarah, PTD	M41/M44	1
Pen. Pengarah, PTM	F41/F44	1
PPTM	FA32	3
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	3
JUMLAH KECIL		9
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 1 [PPD BARAM, PPD BELAGA, PPD KAPIT, PPD KUCHING, PPD LIMBANG, PPD LUBOK ANTU, PPD MUKAH, PPD SELANGAU, PPD SIMUNJAN & PPD TATAU/SEBAUH]		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	10
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	165
JUMLAH KECIL		175
JUMLAH		184

UNIT APLIKASI DAN PORTAL (UNIT 2)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
PPTM	FA32	3
PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	1
JUMLAH KECIL		5
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 2 [PPD BETONG, PPD DARO, PPD LAWAS, PPD MARADONG, PPD MIRI, PPD SARATOK, PPD SARIKEI, PPD SERIAN, PPD SIBU & PPD SRI AMAN]		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	10
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	145
JUMLAH KECIL		155
JUMLAH		160

UNIT TEKNIKAL ICT DAN RANGKAIAN (UNIT 3)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
PPTM	FA32	2
PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	3
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	4
JUMLAH KECIL		11
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 3 (PPD BAU, PPD BINTULU, PPD DALAT, PPD JULAU, PPD KANOWIT, PPD LUNDU, PPD PADAWAN, PPD SAMARAHAN, PPD SONG & PPD SUBIS)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	10
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	133
JUMLAH KECIL		143
JUMLAH		154
JUMLAH KESELURUHAN		499

**Nota -*
 Carta Organisasi (Operasi) merujuk kepada Carta Organisasi Pengoperasian.

CARTA ORGANISASI (OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
JUMLAH		1

UNIT PENGURUSAN ICT DAN PENTADBIRAN (UNIT 1)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTD	M41/M44	1
PPTM	FA32	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH KECIL		3
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 1 (PPD KERAMAT)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	1
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	13
JUMLAH KECIL		14
JUMLAH		17

UNIT APLIKASI DAN PORTAL (UNIT 2)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
PPTM	FA32	1
PPTM (KUP)	FA29 (KUP)	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	1
JUMLAH KECIL		3
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 2 (PPD SENTUL)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	1
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	17
JUMLAH KECIL		18
JUMLAH		21

UNIT TEKNIKAL ICT DAN RANGKAIAN (UNIT 3)		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pen. Pengarah, PTM	F44	1
PPTM	FA32	2
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	2
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	4
JUMLAH KECIL		9
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH 3 (PPD BANGSAR PUDU)		
Penyelaras JTK	FT19/FT22/FT26	1
Juruteknik Komputer (Pasukan Teknikal ICT Sekolah)	FT19/FT22/FT26	32
JUMLAH KECIL		33
JUMLAH		42
JUMLAH KESELURUHAN		81

**Nota :*

Carta Organisasi (Operasi) merujuk kepada Carta Organisasi Pengoperasian.

**CARTA ORGANISASI (MAKRO/ OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
Pen. Pengarah, PTM	F41/F44	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	2
JUMLAH		5
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH		
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19/FT22/FT26	6
JUMLAH		6
JUMLAH KESELURUHAN		11

***Nota :**

- 1) Carta Organisasi Makro/ Operasi adalah ini merujuk kepada Carta Organisasi Umum dan Carta Organisasi Pengoperasian.
- 2) Penyelaras JTK bagi Pasukan Teknikal ICT Sekolah adalah Pen. Pengarah, PTM Gred F41/F44.

CARTA ORGANISASI (MAKRO/ OPERASI) SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT
JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
KPP, PTM	F48	1
Pen. Pengarah, PTM	F41/F44	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT22	1
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	1
Pemb. Tadbir (P/O)	N19	1
JUMLAH		5
PASUKAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH		
Juruteknik Komputer (JTK)	FT19/FT22/FT26	5
JUMLAH		5
JUMLAH KESELURUHAN		10

***Nota :**

- 1) Carta Organisasi Makro/ Operasi adalah ini merujuk kepada Carta Organisasi Umum dan Carta Organisasi Pengoperasian.
- 2) Penyelaras JTK bagi Pasukan Teknikal ICT Sekolah adalah Pen. Pengarah, PTM Gred F41/F44.

**SENARAI TUGAS PENYELARAS PASUKAN TEKNIKAL ICT
SEKOLAH**

Senarai tugas Penyelaras Pasukan yang telah ditetapkan adalah seperti di bawah:

- (i) menyelaras Sasaran Kerja Utama (SKU) JTK;
- (ii) menyelaras keperluan sumber kewangan bagi tujuan perolehan dan penyelenggaraan peralatan ICT di peringkat sekolah;
- (iii) menyelaras JTK bagi pelaksanaan perkhidmatan teknikal ICT Kementerian, Jabatan, PPD dan sekolah;
- (iv) menyediakan laporan perkhidmatan teknikal ICT secara berkala bagi membantu memberi input dalam menyediakan keperluan perolehan kelengkapan ICT untuk pengurusan sekolah;
- (v) menyelaras, menyelia dan memantau aktiviti dan tugas JTK bagi pengurusan pengoperasian perkhidmatan teknikal ICT di peringkat sekolah;
- (vi) Penyelaras Pasukan perlu bertindak sebagai Pegawai Bantuan Teknikal ICT (PBT ICT) di peringkat JPN atau PPD bagi menyelaras aduan yang diterima melalui Sistem ISD. Penyelaras Pasukan menganalisis aduan, mengenal pasti dan mengarahkan JTK untuk tindakan penyelesaian dan memantau status aduan sehingga selesai. Rujuk Manual Penggunaan Sistem ISD Bagi Peranan PBT ICT untuk melaksanakan tindakan tersebut.
- (vii) menyelaras, menyelia dan memantau bagi kerja-kerja penyelenggaraan CM dan PM peralatan ICT di peringkat sekolah;

- (viii) melaporkan tindakan serta tugas yang dilaksanakan oleh JTK kepada JPN secara berkala; dan
- (ix) bekerjasama dengan JPN bagi melaksana dan menyelaras latihan atau kursus untuk JTK yang terlibat dalam pelaksanaan pemusatan perkhidmatan teknikal ICT.

SENARAI TUGAS JURUTEKNIK (JTK)

Senarai tugas JTK yang telah ditetapkan adalah seperti di bawah:

- (i) melaksana perkhidmatan teknikal ICT yang telah dirancang oleh Kementerian, JPN dan Penyelaras Pasukan berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa:
 - a. melaksanakan pemasangan perkakasan, perisian dan aplikasi mengikut keperluan pengguna;
 - b. memberi perkhidmatan teknikal bagi penggunaan kelengkapan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta Pengurusan dan Pentadbiran (PdT);
 - c. membantu memberi perkhidmatan teknikal dan latihan dalam penggunaan perkakasan ICT, perisian dan aplikasi;
 - d. membantu Penyelaras Pasukan bagi mengenal pasti keperluan perolehan, penggantian dan pelupusan peralatan ICT di sekolah;
 - e. melapor dan membantu memohon penggantian kelengkapan ICT sekolah yang rosak;
 - f. membantu menyediakan maklumat aset alih kerajaan bagi perkakasan ICT dan perisian kepada pihak pengurusan sekolah; dan
 - g. membantu memberi khidmat nasihat teknikal kepada pihak pengurusan sekolah dalam menguruskan proses pelupusan aset alih kerajaan bagi perkakasan ICT di sekolah.
- (ii) melaksana pembaikan dan penyelenggaraan pencegahan:
 - a. melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) perkakasan ICT, perisian dan rangkaian secara berkala;
 - b. melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pembaikan (*corrective maintenance*) perkakasan ICT, perisian dan rangkaian berdasarkan aduan;

- c. melaksanakan pemantauan dan mengesahkan kerja-kerja penyelenggaraan pembaikan dan penyelenggaraan pencegahan yang dilaksanakan oleh pihak ketiga bagi memastikan perkakasan, perisian dan rangkaian berfungsi dengan baik; dan
 - d. menyediakan laporan aktiviti penyelenggaraan pencegahan secara berkala bagi aset ICT yang diselenggara secara dalaman.
- (iii) menganalisis dan mengambil tindakan penyelesaian tahap kedua (*2nd level support*) terhadap isu/aduan kerosakan merangkumi perkakasan ICT, perisian dan rangkaian;
- (iv) memberi maklum balas kepada Penyelaras Pasukan terhadap tindakan penyelesaian dan status aduan ICT yang dilaporkan di dalam ISD.

**FORMAT SURAT ARAHAN PENEMPATAN KE PASUKAN TEKNIKAL
ICT SEKOLAH**

Ruj. Kami :
Tarikh :

[Nama pegawai]
No. K.P.: [No. K.P. pegawai]
[Jawatan dan gred pegawai]

Tuan/Puan,

**PEMBERITAHUAN PENEMPATAN [jawatan dan gred pegawai]
TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tuan/puan ditempatkan/ditukarkan sebagai [jawatan dan gred pegawai] di **Pasukan Teknikal ICT Sekolah XX (PPD XXXXX), Sektor Pengurusan Maklumat, Jabatan Pendidikan Negeri XXXXX.**

3. Arahan penempatan ini berkuat kuasa mulai [tarikh kuat kuasa waran pemusatan/tarikh kuat kuasa pertukaran/tarikh lapor diri lantikan baharu]. Tuan dikehendaki melapor diri pada [tarikh lapor diri]. Lokasi penugasan tuan/puan adalah di [nama Lokasi Penugasan].

Bagi
Pasukan
Teknikal
ICT
sedia
ada
sahaja

4. Kegagalan tuan/puan mematuhi arahan penempatan ini boleh menyebabkan tuan/puan dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan kepada Peraturan 4(2)(i), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993] yang menyatakan, "Seseorang pegawai tidak boleh ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah."

5. Ketua Jabatan yang berkenaan diminta melaksanakan penempatan ini dan mengemaskini data pegawai di dalam **SISTEM HRMIS** selaras

dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (Lampiran PO.2.1 (A) – Garis Panduan Pelaksanaan HRMIS).

6. Jabatan ini berharap tuan/puan dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk perkhidmatan awam dan negara.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

([NAMA PEGAWAI DIBERI KUASA])

b.p.: Pengarah Pendidikan Negeri

Jabatan Pendidikan Negeri XXXXX

s.k.

XXXXX

Catatan:

Tuan/Puan dikehendaki melapor diri di [xxx].

Pilihan sekiranya
perlu melapor diri di
lokasi berbeza
daripada lokasi
penugasan